



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1990

**ELAUN MAKANAN (MEAL ALLOWANCE) BAGI PEKERJA-PEKERJA
DI BADAN-BADAN BERKANUN**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk mengumumkan keputusan Kerajaan bagi meminda kadar Elaun Makanan kepada Pekerja-pekerja Di Badan-badan Berkanun.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kadar Elaun Makanan bagi pekerja Badan-badan Berkanun yang digunakan sekarang adalah sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan.....Tahun 1975, Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun Di Malaysia. Kerajaan telah bersetuju mengkaji semula mengenai kadar Elaun Makanan itu dan memutuskan supaya kadar tersebut dipinda.

3. KADAR BARU

3.1 Kadar Elaun Makanan bagi Pekerja Badan-badan Berkanun adalah dipinda seperti berikut:

<i>Gred Gaji</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Baru</i>
Kumpulan A	\$3.50 Sekali Makan	\$4.50 Sehari
Kumpulan B	\$2.50 Sekali Makan	\$3.50 Sehari
Kumpulan C	\$2.00 Sekali Makan	\$3.00 Sehari
Kumpulan D	\$1.50 Sekali Makan	\$2.50 Sehari

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1990.

5. PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka perenggan 101 (ii), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Tahun 1975, Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun di Malaysia adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK ZAHARI A. RASHID)

*Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

18 September 1990

s. k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.